

09/01/1998

Berbangga guna barangan tempatan

JIKA meninjau di sekeliling, terutama ketika berada di pasar raya, gedung perniagaan atau pusat beli-belah, kita pasti melihat banyak barangan yang diimport. Kita mengenalinya sama ada menerusi jenamanya atau populariti sesuatu barangan berasaskan kepada negara pengeluarannya. Ia mungkin barangan berbentuk perabot, perhiasan, pakaian, barang makanan, barangan elektrik atau ratusan jenis barangan yang jika tidak dibawa masuk ke negara ini pun tidak memberi sebarang kesan ekonomi seperti makanan untuk binatang, patung permainan dan sebagainya. Apakah kurangnya barangan buatan negara kita?

Kita berpendapat dari segi kepelbagaian dan mutu barangan, rasanya barangan keluaran tempatan mampu bersaing dengan produk luar negara. Apa yang agak menyedihkan, meskipun Malaysia mengeluarkan barangan yang sama sebagaimana produk negara asing, sambutanannya agak dingin meskipun daripada rakyat negara ini sendiri. Semua ini disebabkan rakyat terlalu taksud dan mementingkan barangan keluaran luar negara. Mereka sanggup bertindak demikian walaupun terpaksa mengabaikan kepentingan barangan buatan dalam negara yang diusahakan menerusi titik peluh kaum mereka sendiri.

Sebagai negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, kita membenarkan kemasukan barangan luar negara. Kita memang menggalakkan persaingan yang sihat. Peluang ini digunakan oleh pengimport untuk membawa masuk barangan luar negara sebanyak mungkin. Malah, barang yang tidak perlu juga dibawa masuk secara berlebihan sedangkan ia membabitkan pertukaran wang asing.

Meskipun barangan ini dari luar negara, tidak bermakna semuanya bermutu tinggi. Barangan keluaran tempatan mungkin lebih bermutu, tetapi disebabkan tarikan supaya pengguna membeli barangan seperti itu, pengguna sering menganggap mutu barangan keluaran tempatan jauh lebih rendah. Mereka sanggup membayar dengan harga yang lebih mahal asalkan ia barangan buatan Itali, England, Jerman, Amerika Syarikat dan sebagainya. Sebaliknya, jika barangan yang sama dijual dengan harga yang lebih murah, mereka sering menganggapnya sebagai kurang bermutu meskipun belum mencubanya.

Kita berpendapat galakan membeli barangan keluaran tempatan perlu dilakukan secara paksaan. Hanya dengan tidak membenarkan lagi barangan tidak perlu tertentu di pasaran negara ini, kita yakin kita boleh secara beransur-ansur menghargai barangan keluaran tempatan. Sepatutnya kita berbangga menggunakan barangan tempatan kerana ia melambangkan kejayaan bersama.

Jika kita melihat senarai barangan import yang tidak berkepentingan kepada ekonomi negara, malah kesihatan rakyat jika ia membabitkan barangan makanan, selama ini kita melakukan suatu pembaziran yang amat besar. Dengan membeli barangan luar negara, kita sebenarnya mengabaikan barangan tempatan. Kita sendiri menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia kurang bersikap nasionalisme.

Oleh itu, jika sehingga sekarang barangan import terus menguasai pasaran, kita tidak seharusnya menyalahkan orang lain. Sebagai perbandingan, kita tinjau pula negara lain. Apakah barangan keluaran negara kita juga mendapat pasaran pengguna di negara mereka? Barangan negara kita mungkin ada dijual di gedung perniagaan terkemuka, tetapi ia mungkin di satu penjuru yang tersorok.

Kita juga melihat banyak barangan terutamanya jenis pakaian berjenama terkenal dibuat di Malaysia secara 'under licence' diterima di peringkat

antarabangsa tetapi kita agak hairan, rakyat sendiri tidak menghargainya.

Kita menyokong arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua barangan import yang tidak begitu laris tetapi dilambakkan di pasaran negara ini, akan disenaraikan dan tidak lagi diimport. Langkah itu bertujuan menggalakkan penggunaan barangan keluaran tempatan.

Pada kita langkah itu adalah menggalakkan rakyat membantu negara sendiri terlebih dahulu daripada membantu negara lain. Persatuan pengguna yang sering mengikuti perkembangan isu-isu pengguna seharusnya membantu kerajaan mengenal pasti barangan seperti ini. Adalah lebih baik mereka turut sama menjayakan usaha ini daripada hanya bercakap di belakang. Kerajaan juga seharusnya mendengar pandangan persatuan kerana mereka juga mempunyai idea yang mampu membetulkan keadaan pasaran.

Usaha ini adalah jauh lebih baik daripada menyimpan sikap prejudis di antara satu dengan lain kerana ia tidak mendatangkan sebarang kebaikan.

(END)